

Sorok 2,000 liter diesel sambil kaut ikan

HM 10/11/23 M/S 19

APMM tahan bot diubah suai dengan 2 tangki khas

Oleh Amirul Aiman
Hamsuddin
am@hmetro.com.my

Tanjong Karang

Ubah suai bot nelayan dengan dilengkapi tangki khas bagi membolehkan diesel subsidi disorok dan dijual kepada pihak ketiga.

Kegiatan haram itu yang turut didalangi nelayan upahan warga Myanmar terbongkar apabila sepasukan anggota Agensi Pengawalkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Selangor) menahan sebuah bot di Kuala Sungai Burung di sini, kelmarin.

Timbalan Pengarah Maritim Selangor, Komander Maritim Mohd Sharenliza Ghazali berkata, terdahulu pihaknya mengesan bot yang melakukan aktiviti mencurigakan jam 2 petang.

"Pemeriksaan awal mendapati bot dikendalikan empat warga Myanmar berumur lingkungan 29 hingga 50 tahun.

"Turut ditemui dua tangki diubah suai di atas dek dan bahagian kemudi berisi lebih 2,000 liter minyak diesel," katanya.

Mohd Sharenliza berka-



“Semua suspek dibayar gaji bulanan RM 1,000 dengan komisyen tambahan

Mohd Sharenliza

ANGGOTA Maritim Malaysia Selangor memeriksa bot nelayan yang ditahan di sekitar Kuala Sungai Burung.

ta, pemeriksaan dokumen mendapati bot itu melakukan kesalan di bawah Akta Imigrasi 1959/63 dan Akta Perikanan 1985.

"Hasil soal siasat mendapati semua suspek dibayar gaji bulanan RM 1,000 dengan komisyen tamba-

han mengikut hasil tangkapan. Turut ditemui 500 kilogram ikan," katanya.

Beliau berkata, semua kru, bot dan hasil perikanan dibawa ke jeti Pasukan Polis Marin Pulau Indah sebelum diserah kepada pegawai penyiasat untuk tindakan lanjut.